

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS AMAL JAMUAN TEH MURNI BAKANITA  
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 27-11-1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berbahagia Datin Sri Rosmah bte Mansor, Pengerusi Majlis Amal Jamuan Teh Murni BAKANITA; Yang Berbahagia Puan Hajah Rosliah Bte Haji Ahmad, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT; Yang Berbahagia Datin Sharifah bte Ahmad, Pengerusi PUSPANITA Kementah dan Pengerusi-pengerusi BAKAT Darat/Laut/Udara; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan, Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di atas limpah perkenan-Nya dapat kita bersama-sama hadir di majlis amal yang sungguh murni ini, sesuai dengan namanya iaitu Majlis Amal Jamuan Teh Murni BAKANITA yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan.

2. Seperti yang saudara-saudara sekalian sedia maklum, adapun tujuan mengadakan majlis amal ini adalah untuk mengutip derma dan sumbangan daripada pelbagai syarikat, badan korporat dan dermawan melalui penjualan meja ataupun pemberian derma ikhlas untuk kebajikan anggota-anggota tentera kita yang bertugas di Bosnia-Herzegovina atau dikenali dengan nama MALBATT Bosnia.

3. Penyertaan MALBATT dalam tugas pengaman di Bosnia adalah merupakan kali pertama angkatan tentera kita melaksanakan tugas di bawah panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di benua Eropah. Ia juga merupakan kali pertama bagi MALBATT melaksanakan tugas dalam iklim sejuk yang ekstrim dan bersalji.

4. Walaupun anggota-anggota MALBATT telah dilengkapi dengan pakaian sejuk yang sewajarnya untuk menghadapi keadaan tersebut, tetapi adalah menjadi hasrat murni majlis amal ini untuk memberikan keselesaan yang lebih kepada setiap anggota MALBATT dengan membekalkan pakaian sejuk tambahan. Melalui hasil kutipan yang didapati daripada majlis amal ini dapatlah kita membeli beberapa jenis pakaian sejuk tambahan yang dimaksudkan dan membekalkannya kepada mereka.

5. Apa yang lebih penting dalam usaha ini ialah ia mencerminkan bahawa semua rakyat Malaysia di tanahair, tanpa mengira agama, bangsa atau kepercayaan, sentiasa menghargai dan mengingati pengorbanan anggota tentera untuk maruah dan kepentingan negara, walau di mana pun mereka berada. Walaupun mereka jauh di mata, mereka tetap dekat di hati setiap rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Pentingnya angkatan tentera bukan sahaja semasa negara menghadapi keadaan-keadaan keselamatan yang runcing seperti darurat pada tahun 1948 hingga 1960. Sama ada di waktu aman atau kecemasan, angkatan tentera seperti juga pasukan bersenjata lain amat penting bagi negara. Angkatan tentera bukanlah seperti 'pakaian musim sejuk' yang boleh diketepikan atau dilupakan begitu sahaja apabila musim sejuk telah berlalu dan musim panas mendatang.

7. Setiap rakyat harus insaf bahawa di sebalik pengorbanan angkatan tenteralah maka kita semua dapat menikmati keadaan yang makmur dan tenteram yang kita nikmati sekarang, yang juga mempunyai hubung kait dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan negara.

8. Seperti industri yang mengeluarkan pelbagai produk atau hasil pengeluaran, angkatan tentera juga mengeluarkan produk yang dipanggil 'keselamatan'. Walaupun ianya tidak dapat dilihat melalui pandangan mata kasar tetapi kepentingannya tidak dapat dipersoalkan dan boleh diibaratkan seperti udara, yang mana tanpanya kehidupan adalah mustahil.

9. Oleh kerana keadaan negara amat stabil dan selamat, maka angkatan tentera mula mengeksport produknya iaitu 'keselamatan' ke luar negara. Lantaran itu maka telah wujud suatu keadaan di mana negara kita mampu mengirim kontinjen-kontinjen tentera yang dipanggil MALBATT ke beberapa buah negara asing sebagai pasukan pengaman di bawah panji PBB.

10. Penglibatan angkatan tentera dalam mewujudkan keamanan dalam masyarakat antarabangsa adalah suatu usaha dan pengorbanan yang besar dan murni. Selain daripada MALBATT, angkatan tentera juga mengirim pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya sebagai pemerhati atau 'observer' di bawah panji PBB. Penglibatan MALBATT ini telah mengharumkan bukan sahaja nama Angkatan Tentera Malaysia, malahan juga nama negara Malaysia dalam perhubungan antarabangsa.

Puan-puan dan tuan-tuan,

11. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada BAKAT Angkatan Tentera dan PUSPANITA di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Datin Sri Rosmah yang telah berjaya melaksanakan majlis amal ini tepat pada masanya, di mana MALBATT Bosnia sedang menghadapi keperitan musim sejuk di Bosnia.

12. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada syarikat, badan korporat dan dermawan individu yang telah bermurah hati menghulurkan derma dan sumbangan untuk menjayakan matlamat murni majlis amal ini. Saya telah difahamkan bahawa beberapa buah syarikat, badan korporat dan dermawan telah menghulurkan sumbangan ikhlas teristimewa sekali Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang dengan murah hati telah menaja sepenuhnya kos mengadakan majlis amal ini.

13. Walaupun majlis amal ini telah dilaksanakan pada hari ini, saya ingin menyeru kepada syarikat, badan korporat dan dermawan yang belum menghulurkan sumbangan supaya tampil ke hadapan pada esok, lusa atau pada bila-bila masa sahaja untuk membuktikan penghargaan dan sanjungan mereka terhadap pengorbanan angkatan tentera pada keseluruhannya demi negara yang tercinta ini. Pintu adalah sentiasa terbuka untuk tuan-tuan berbuat demikian.

Puan-puan dan tuan-tuan,

14. Akhir sekali saya mendoakan agar Angkatan Tentera Malaysia yang berada di Bosnia dan di mana-mana juga tempat mereka bertugas di seberang laut sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada penyakit, bala dan bahaya dan semoga mereka selamat bertugas demi keselamatan dan kedamaian seluruh dunia. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala juga memberkati majlis kita yang bermatlamat mulia dan murni ini.

15. Saya sudahi dengan wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*